

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK LEE TIAN SING**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tahap langkah-langkah berjaga diambil untuk mengatasi masalah kesihatan mental yang dialami mangsa keganasan rumah tangga kerana angka yang dikeluarkan oleh polis tahun ini cukup besar dan dilaporkan di media

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah dipinda pertama kali pada tahun 2012. Antara pindaan utama ketika itu ialah memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga daripada bentuk fizikal untuk turut meliputi penderaan emosi, mental dan psikologi, penggunaan bahan yang memabukkan dan bahan yang menyebabkan delusi kepada mangsa dan mangsa kanak-kanak.

Bagi memberi perlindungan yang lebih baik kepada wanita, Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Melihat kepada peningkatan kes keganasan rumah tangga pada masa kini, pindaan kepada Akta tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan.

Kementerian ini memandang berat masalah kesihatan mental. Oleh yang demikian, Kementerian melalui Agensi di bawahnya iaitu Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 192 kaunselor, Unit Kaunseling, Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) mempunyai 18 orang dan Bahagian Bimbingan dan Kaunseling, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai dua (2) orang. Jumlah besar adalah 212 Pegawai Psikologi yang mana 202 daripada itu adalah Kaunselor Berdaftar.

Pegawai Psikologi di Kementerian ini memberikan khidmat kaunseling dengan kepada mangsa keganasan rumah tangga yang ditempatkan di

Rumah Perlindungan JKM. Walau bagaimanapun, bagi mangsa yang tidak berada di rumah Perlindungan JKM, mereka boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling dengan menghubungi mana-mana pejabat JKM, LPPKN dan JPW. Pegawai Psikologi Kementerian ditempatkan di seluruh negeri dan daerah bagi memberikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat yang memerlukan termasuk mangsa keganasan rumah tangga. Antara perkhidmatan lain yang diberikan adalah Intervensi Kaunseling, Intervensi Psiko Pendidikan (yang merangkumi *coping skills, anger management, stress management*) Perundingan dan Konsultasi, Intervensi Psikologi dan Intervensi Krisis.

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga Peringkat Persekutuan Bil.1/2019 telah diadakan pada 28 November 2019 yang bertujuan membincangkan isu keganasan rumah tangga dan mencari tindakan penyelesaian secara bersama. Mesyuarat Jawatankuasa ini juga akan diadakan dengan di peringkat negeri dan daerah bagi memastikan penyampaian maklumat dan keputusan untuk tindakan di negeri dan daerah.

Jawatankuasa ini antaranya dianggotai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Bantuan Guaman, Hospital Kuala Lumpur, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah, Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen. Selain itu, jawatankuasa ini turut disertai oleh NGO seperti *Women Aids Organization, Reproductive*

NO SOALAN: 24

Health Association Kelantan, dan *National Council of Women Association*.

Sekian, terima kasih.